

**SYARAT-SYARAT DAN CARA MENGISI
BORANG PENCALONAN BINTANG / PINGAT NEGERI TERENGGANU**

- 1 Seseorang calon yang dicadangkan untuk sesuatu Bintang / Pingat Kebesaran Negeri hendaklah terdiri daripada mereka yang telah memberi perkhidmatan cemerlang kepada Negeri Terengganu khasnya dan masyarakat berdasarkan taraf jawatan serta tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan Negeri Terengganu.
- 2 Pemilihan seseorang calon yang bergiat cergas dalam pertubuhan-pertubuhan profesional, kebajikan, sukarela, sukan, sosial, agama dan lain-lain hendaklah berasaskan kepada tahap sumbangan masing-masing kepada Negeri, Masyarakat dan Negara.
- 3 Seseorang yang dicalonkan hendaklah mempunyai rekod perkhidmatan yang bersih. Permohonan tapisan keutuhan kepada **Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (S.P.R.M.)** dan tapisan jenayah kepada **Polis DiRaja Malaysia (P.D.R.M.)** hendaklah diuruskan oleh pihak Kementerian atau Ibu Pejabat jabatan masing-masing dan hendaklah dikembalikan bersama borang pencalonan.
- 4 Seseorang yang pernah menolak tawaran kurniaan sebelumnya tidak dibenarkan untuk dicalonkan semula.
- 5 Ketua jabatan / pencalon yang membuat pencalonan hendaklah memastikan bahawa calon berkenaan tidak dicalonkan untuk anugerah Bintang / Pingat Kebesaran yang telah diterima.
- 6 Bintang / Pingat yang dicadangkan hendaklah bersesuaian dengan jawatan sebagaimana yang diterangkan dalam garis panduan di **LAMPIRAN 1**.
- 7 Bagi memudahkan Pentadbiran ini membuat keputusan, semua cadangan pencalonan hendaklah menggunakan borang pencalonan mengikut kategori pencalonan sebagaimana berikut:-

BORANG 'A' : Bagi pencalonan Anggota Perkhidmatan Awam, Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan / Swasta Negeri Terengganu Darul Iman.
BORANG 'B' : Bagi pencalonan Anggota Perkhidmatan Awam dan Badan Berkanun / Swasta Persekutuan.
BORANG 'C' : Bagi pencalonan Orang Awam, Pertubuhan-Pertubuhan Sukarela / Politik / Sukan dan lain-iain yang bukan anggota perkhidmatan awam / badan berkanun / swasta.
- 8 Bagi Borang 'A' dan 'C' hendaklah dihantar terus ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu dalam (1) salinan. Manakala untuk Borang 'B', pencalonan hendaklah dikemukakan melalui Kementerian masing-masing dalam (1) salinan serta perlu mendapat sokongan Ketua Setiausaha Kementerian terlebih dahulu. Pencalonan yang tidak dihantar melalui Kementerian TIDAK akan dipertimbangkan.
- 9 Bagi anggota perkhidmatan awam / badan berkanun negeri dan persekutuan yang dicalonkan melalui persatuan sukan, badan pertubuhan sukarela / politik hendaklah terlebih dahulu mendapat sokongan ketua jabatan masing-masing dan hendaklah menggunakan Borang 'A' (bagi pencalonan negeri) atau Borang 'B' (bagi pencalonan persekutuan). Borang 'C' adalah tidak dibenarkan.
- 10 Disamping borang-borang pencalonan, ketua jabatan / pencalon hendaklah menyediakan senarai nama-nama calon yang dikemukakan mengikut merit dengan mengisi **LAMPIRAN 2**.
- 11 Ketua jabatan juga hendaklah mengesahkan bahawa setiap Anggota Perkhidmatan Awam yang dicalonkan adalah **BEBAS DARI SEBARANG TINDAKAN TATATERTIB** dengan mengisi **LAMPIRAN 3**.
- 12 Borang-borang pencalonan yang tidak lengkap atau yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dipertimbangkan.